

Headline	Jelajah Kasih beri kesedaran kepada penonton		
Date	02. Apr 2009	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	28
Section	Hip	Article Size	201 cm2
Circulation	192917	Frequency	Daily
Readership	1521000	Color	Full Color
		AdValue	4263.64



Jelajah Kasih beri kesedaran kepada penonton

DENGAN matlamat menyedarkan masyarakat terhadap bahaya yang mampu diakibatkan oleh penyakit HIV/Aids serta kesan yang ditinggalkan ke atas anak-anak serta keluarga, Eurofine (M) Sdn Bhd menerbitkan program berjudul *Jelajah Kasih* yang mula disiarkan sejak Jumaat bermula 27 Mac lalu, di TV1, jam 11 pagi.

Anak-anak yang bakal menjadi pemimpin pada masa depan seharusnya didedahkan dengan gaya hidup positif, serta didikan yang baik. Begitupun, kesilapan ibu bapa pada masa lalu menyebabkan anak-anak menanggung kesan buruknya.

Begitu juga dengan ibu bapa yang positif HIV/Aids. Sering kali mereka meninggalkan anak-anak yang turut dihidangai penyakit itu. Biar pun peratusannya tidak begitu besar, namun jumlahnya semakin meningkat. Pada 1991, kesnya hanya 0.2 peratus, tetapi pada 2006, jumlah itu meningkat kepada 1.4 peratus.

Masyarakat Malaysia pula masih cetek pemahamannya terhadap penyakit terbabit. Pesakit HIV/Aids sering dipandang hina. Lalu, terfikir seketika, bagaimana pula nasib anak-anak mereka yang dihidangai penyakit ini? Adakah mereka

juga menjadi mangsa sikap masyarakat yang kurang mendalam pengetahuannya terhadap penyakit berkenaan?

Atas kesedaran itu, Eurofine yang diterajui Pengarah Urusannya, Ida Rahayu Md Noor, menjalin kerjasama bersama Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/Aids Nuruliman Malaysia (Pemim), Norlina Alawi dan Evolusi Bebas Sdn Bhd serta Prestige Platinum Vacation, menerbitkan program berbentuk majalah 13 episod bagi memberikan paparan sebenar apa yang dilalui anak-anak yang tidak berdosa ini.

Program berkenaan diarah-

kan oleh Haliza Misbun. Mereka memulakan penjelajahan pada 5 Disember lalu dan mengakhiri rakamannya pada hujung Januari 2009. Antara negeri yang dikunjungi rombongan *Jelajah Kasih* ini ialah Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

"Masyarakat perlu memberi peluang kepada penghidap HIV/Aids dan keluarga mereka, terutama anak-anak mangsa yang tidak berdosa ini, untuk menjalani kehidupan yang positif dan dipenuhi dengan kasih sayang, walaupun sesetengah daripada mereka

mempunyai hayat yang lebih pendek serta hanya bergantung kepada ubat-ubatan untuk mengawal penularan HIV kepada Aids," kata Ida pada majlis pelancaran program itu di Ampang, baru-baru ini.

Haliza pula berkata, dia menerima tawaran mengarah dan mengacarakan program berkenaan kerana ia memberikan cabaran baru kepadanya dalam kerjaya seni.

Menurutnya, menerusi program 30 minit itu, mereka merakam kejadian sebenar bagaimana anak-anak penghidap Aids bertemu semula dengan keluarga mereka.



Haliza Misbun